

# Cenviro bantu 250 keluarga asnaf

**Bandar Baharu:** Seramai 250 keluarga kurang berkemampuan dari pelbagai kaum di daerah ini menerima sumbangan daripada syarikat Kumpulan Cenviro Sdn Bhd dalam bentuk elaun RM80 sebulan selama setahun bagi membayai kos membeli makanan.

Ketua Bahagian Pemasaran dan Pengurusan Sisa Klinikal Kumpulan Cenviro Amirul Bahri Abdul Malek berkata, sumbangan kepada penerima di daerah ini diuruskan oleh MyKasih Foundation (MF).

Kata beliau, pihaknya menyerahkan peruntukan

RM250,000 kepada MF untuk diagihkan kepada penerima di daerah Bandar Baharu.

"Sumbangan itu adalah sebahagian daripada peruntukan RM1 juta untuk program komuniti Kumpulan Cenviro bersama (MF) di Kedah."

"Penerima sumbangan ini boleh menggunakan Mykad mereka untuk membeli barang keperluan makanan harian atau keperluan untuk persekolahan anak mereka di pasar raya serta kedai terpilih di dalam program ini."

"Kerjasama bersama (MF) bermula sejak 2015

yang membabitkan 1,000 keluarga yang kurang berkemampuan dan miskin di seluruh negeri Kedah yang mana pihak kami memilih untuk terus bekerjasama dengan MF kerana yakin dengan saluran pengagihan elaun menerusi Mykad," katanya ketika berucap di majlis pelancaran Program Cenviro-MyKasih 'Love My Neighbourhood & Love My School' di Dewan Seri Serdang, di sini, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Bandar Baharu, Datuk Norsabrina Mohd

Noor yang juga Pengerusi Jawatankuasa Sains, Inovasi dan Teknologi Maklumat, Komunikasi, Teknologi Tinggi dan Sumber Manusia negeri.

Menurut Amirul Bahri, projek tanggungjawab korporat itu membantu Kumpulan Cenviro mencapai objektif dalam memainkan peranan berkesan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.

Katanya pihaknya gembira kerana di beri peluang menjalankan kerjasama bersama (MF) dan memberi sumbangan bermanfaat kepada keluarga yang kurang berkemampuan.